



Amalan Baik

Pengendalian Hadiah dalam Perkhidmatan Awam

Pengendalian Hadiah dalam Perkhidmatan Awam

1.0 Pendahuluan

Amalan baik ini adalah merupakan garispandu bagi pegawai Kerajaan dalam pengendalian hadiah yang diterima oleh pegawai Kerajaan dan keluarga mereka.

2.0 Rujukan

Garispandu ini merujuk kepada Akta Pencegahan Rasuah (Penggag 131); Kanun Hukuman Jenayah (Penggag 22) dan Peraturan 12 Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggag 83).

3.0 Tafsiran

Bagi tujuan amalan baik ini,

3.1 'Keluarga' bererti suami/isteri dan anak-anak.

3.2 'Hadiah' termasuk wang, barang-barang, tambang-tambang percuma atau benda-benda berharga yang lain.

4.0 Amalan Baik

4.1 Jika hadiah diberi dengan niat tidak jujur atau niat rasuah, hadiah tersebut hendaklah ditolak dan dilaporkan kepada Biro Mencegah Rasuah.

4.2 Sesiapa yang mempunyai urusan rasmi dengan pemberi hadiah (termasuk sahabat-sahabat atau saudara-mara) hendaklah menolak hadiah yang diberikan. Jika tidak dapat dielakkan, pegawai atau kakitangan tersebut bolehlah menerimanya tetapi hendaklah mengisytiharkannya dengan seberapa segera yang boleh kepada Pihak Berkuasa (rujuk perenggan 4.6).


4.3 Jika hadiah diberikan oleh sahabat-sahabat atau saudara-mara yang tidak mempunyai kaitan dengan tugas-tugas rasmi pegawai atau kakitangan tersebut, maka pegawai atau kakitangan berkenaan bolehlah menerima tanpa perlu diisytiharkan.

4.4 Jika hadiah diberikan oleh sesiapa sahaja selain daripada sahabat-sahabat atau saudara-mara, pegawai atau kakitangan berkenaan hendaklah menolak hadiah yang diberikan. Jika tidak dapat dielakkan, pegawai atau kakitangan tersebut bolehlah menerimanya tetapi hendaklah mengisytiharkannya dengan seberapa segera yang boleh kepada Pihak Berkuasa (rujuk perenggan 4.6).



Pengendalian Hadiah dalam Perkhidmatan Awam

4.5 Pengisytiharan hadiah yang diterima:



Pengendalian Hadiah dalam Perkhidmatan Awam

- 4.6 Sebarang hadiah yang diterima hendaklah diserahkan dan diisytiharkan kepada Pihak Berkuasa seperti yang berikut:

Penerima	Pihak Berkuasa
Setiausaha Tetap / Timbalan Setiausaha Tetap	Menteri / Timbalan Menteri kepada Pegawai berkenaan
Ketua Jabatan	Setiausaha Tetap / Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan
Pegawai dan Kakitangan Jabatan	Ketua Jabatan

- 4.7 Pihak Berkuasa hendaklah memastikan bahawa borang pengisytiharan hadiah dijaga dan disimpan dalam fail peribadi pegawai atau kakitangan tersebut.

5.0 Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah (Penggai 131)

Adalah menjadi kesalahan bagi pegawai Kerajaan untuk meminta atau menerima hadiah daripada sesiapa sahaja dengan secara tidak jujur sebagai satu dorongan atau ganjaran untuk melakukan atau tidak melakukan, sesuatu perbuatan berhubung dengan hal-hal atau urusan orang atasannya. [Bab 5(a) dan Bab 6(a)].

Hukuman: Denda \$30,000.00 dan penjara 7 tahun.

Pengendalian Hadiah dalam Perkhidmatan Awam

6.0 Kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Hukuman Jenayah (Penggag 22)

- 6.1 Adalah menjadi kesalahan bagi pegawai Kerajaan untuk menerima atau memperolehi sebarang hadiah bagi melakukan atau tidak melakukan mana-mana kerja rasminya. [Bab 161]

Hukuman: Penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

- 6.2 Adalah menjadi kesalahan bagi pegawai Kerajaan untuk menerima atau memperolehi barang-barang berharga, tanpa bayaran atau tanpa bayaran nilai sebenarnya, daripada sesiapa sahaja, yang pegawai itu ketahui telah, atau sedang, atau mungkin ada kena mengena dalam apa-apa urusan yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan, oleh pegawai itu. [Bab 165]

Hukuman: Penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan denda.

7.0 Peraturan 12 Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggag 83)

Peraturan 12(a)

Pegawai-pegawai dan keluarga mereka adalah ditegah daripada menerima hadiah-hadiah (selain daripada hadiah-hadiah daripada sahabat-sahabatnya sendiri atau saudara-mara) sama ada yang berupa wang, barang-barang, tambang-tambang percuma atau faedah-faedah yang lain, dan daripada memberi hadiah-hadiah yang sedemikian.

Peraturan 12 (b)

Penerimaan hadiah-hadiah daripada orang-orang yang ternama yang telah tidak dapat hendak ditolak kerana takut mendatangkan penghinaan ke atas orang-orang itu, hendaklah diberitahu kepada Kerajaan dan hadiah-hadiah itu akan diselenggarakan sebagaimana yang diperintahkan.

Peraturan 12 (c)

Sekiranya sesuatu hadiah itu diterima bagi pihak Kerajaan atau dalam perhubungan istiadat maka hendaklah hadiah itu diserahkan kepada Kerajaan dan sebarang hadiah kerana membalas hadiah yang diterima itu hendaklah dengan belanja Kerajaan



Pengendalian Hadiah dalam Perkhidmatan Awam

Peraturan 12 (d) (i)

Pegawai-pegawai tidak boleh menerima daripada persatuan-persatuan atau kumpulan-kumpulan lain atau daripada pegawai-pegawai rendah mereka akan sebarang tanda ingatan kenang-kenangan yang berharga, tetapi mereka boleh dibenarkan menerima ucapan-ucapan daripada persatuan-persatuan atau kumpulan-kumpulan tatkala mereka berpisah kerana bersara dengan syarat ucapan-ucapan tersebut tidaklah diletakkan di dalam bekas-bekas yang berharga.

Peraturan 12 (d) (ii)

Kebenaran bolehlah diberi oleh Menteri untuk membolehkan pegawai-pegawai beryuran dengan secara kilat, atau membolehkan pungutan-pungutan bersendirian dengan tidak payah dirayu di antara mereka itu, bagi maksud membuat sesuatu pemberian kepada seorang saudara sepekerjaan dengan mereka tatkala dia bersara.

Peraturan 12 (e)

Jika sekiranya keadaan-keadaan adalah menyebabkan tidak dapat hendak ditolak akan sesuatu hadiah yang ditegah daripada diterima oleh Peraturan ini (iaitu, seperti tidak diberitahu terlebih dahulu akan tujuan hendak memberi sesuatu hadiah) maka bolehlah hadiah itu diterima dengan rasmi tetapi mestilah diserahkan dengan seberapa segera yang boleh kepada Perbendaharaan dan keadaan-keadaan itu dimaklumkan kepada Kerajaan.*

** Kerajaan bermaksud Pihak Berkuasa sebagaimana dalam perenggan 4.6*

Pengendalian Hadiah dalam Perkhidmatan Awam

Nota:

Amalan baik ini bukanlah penyelesaian muktamad tetapi adalah merupakan cadangan minima Biro Mencegah Rasuah berkaitan dengan pengendalian hadiah.

Amalan baik ini tidak sepatutnya digunakan dengan cara apa sekalipun bercanggah dengan atau menggantikan Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggaj 83) atau mana-mana undang-undang, peraturan-peraturan kerajaan yang berkaitan yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam